

Analisis kognitif Etnik Iban dalam *Leka Main* berdasarkan Teori Genus dan Spesies

Cognitive analysis of the Iban Ethnicity in Leka Main Based on Genus and Species Theory

Mackla Peter Langan

Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Penang, Malaysia

macklapeter@ymail.com

Anida Sarudin*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim,
Perak, Malaysia

anida@fbk.edu.my

Published: 22 November 2023

To cite this article (APA): Peter langan, M., & Sarudin, A. (2023). Analisis kognitif Etnik Iban dalam *Leka Main* berdasarkan Teori Genus dan Spesies. *PENDETA*, 14(2), 97–108. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.8.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.8.2023>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis lexis bahasa Iban dari sudut makna tipikal bagi merungkai pemikiran etnik Iban dengan menggunakan pola *Genus* dan *Spesies* oleh Halliday dan Hassan (1976). Selain itu, kajian ini akan memanfaatkan sumber data dari korpus bahasa Iban yang diwujudkan menerusi perisian *Antconc V4*. Sumber korpus kajian ini terdiri dari dokumen dan buku-buku puisi tradisi masyarakat Iban yang diterbitkan oleh *Borneo Literature Bureau* (BLB), *Tun Jugah Foundation* dan Majlis Adat Istiadat Sarawak. Kajian ini akan mengaplikasikan kaedah kualitatif dan disokong oleh kaedah kuantitatif. Kajian ini merupakan kombinasi antara kaedah pendigitalan data dan penganalisan korpus. Keputusan kajian awal menunjukkan bahawa pendekatan kognitif genus dan spesies dapat memerihalkan perilaku makna lexis bahasa Iban. Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberi implikasi yang positif terhadap perkembangan bahasa dan linguistik Iban khususnya dalam bidang budaya dan semantik kognitif. Kesimpulannya, sesuatu lexis itu dapat menjelaskan pemikiran masyarakat penutur jatinya seandainya dilaksanakan menggunakan sistem yang tepat dan sistematik.

Kata Kunci: Leka main; genus dan spesies; korpus; leksikografi; superordinat dan subordinat

ABSTRACT

The purpose of study is to analyze the lexis of the Iban language from the point of view of typical meanings for the cognitive of the Iban people based upon Halliday and Hassan (1976) genus & species pattern (2001). Furthermore, this study uses data sources from the Iban language corpus embodied in Antconc V4. These studies are based on documents and books published by the Borneo Literature Bureau (BLB), Tun Jugah Foundation and the Majlis Adat Istiadat Sarawak that documents the poetry traditions of the Iban tribe. This study will apply qualitative methods and be supported by quantitative methods. It is a combination of data digitization methods and corpus analysis. Preliminary study results suggest that the cognitive approach of genera and species can improve the behavior of the lexical meaning of the Iban language. Therefore that this study, hopes can have positive implications for the development of Iban language and linguistics, especially in the fields of culture and cognitive semantics. In conclusion, something lexical can provide an explanation of the cognitive of the those who speak the teak if it is implemented properly.

Keyword: leka main; genus and species; corpus; lexicography; superordinate and subordinate

PENGENALAN

Leka main merupakan salah satu bentuk sastra lisan yang telah berakar umbi dalam etnik Iban di Sarawak. Namun begitu, sedikit sahaja yang diketahui mengenai aspek kognitif etnik Iban dalam *leka main* mereka. *Leka main* ini bukan sahaja memainkan peranan mustahak dalam menyampaikan khazanah budaya, tetapi juga mendeskripsikan elemen-elemen kehidupan dan pengertian sosial etnik Iban. Dalam konteks ini, kajian ini bertujuan untuk melaksanakan analisis kognitif terhadap puisi tradisi etnik Iban dengan mengaplikasikan teori kognitif genus dan spesies.

Hakikatnya, etnik Iban di Sarawak mempunyai sumber sastra tradisi yang sangat besar. Hal ini mengesahkan apa yang dikatakan oleh ilmuan bahasa iaitu, Prof. Derek Freeman yang menggambarkan bahasa Iban sebagai "Master of Language." Penyelidikannya mendapati bahawa sumber sastra masyarakat Iban lebih banyak daripada sumber sastra masyarakat Greek pada zaman Homer (Shamsudin Jaafar, 1997: 13). Sehingga hari ini, puisi rakyat dan *leka main* adalah antara jenis sastra yang paling disukai oleh orang Iban. *Leka main* dianggap sebagai salah satu aset yang sangat bernilai dalam arkib kesusasteraan Iban kerana pelbagai fungsinya dan hubungannya dengan komuniti suku Iban (Chemaline Osup, 2013). Konsep *leka main* ini sangat mustahak bagi budaya spiritual Iban. Oleh itu, dalam era globalisasi, adalah penting bagi mengekalkan genre *leka main* dalam budaya ibu pertiwi.

Puisi rakyat masyarakat Iban, seperti yang dinyatakan oleh Romie Sigan (2015), merupakan budaya dan sastra yang dimiliki oleh masyarakat Iban. Ia bukan sekadar instrumen bagi meluahkan perasaan orang yang menulisnya, tetapi ia mewakili darah, roh, nadi dan kehidupan orang yang menulisnya. Sebenarnya, *leka main* ini adalah sebahagian daripada pusaka pancaindera budaya yang sentiasa digunakan semasa proses sosialisasi kerabat etnik Iban. Menurut Chemaline Osup (2013), genre *leka main* ini menunjukkan nilai dan prinsip yang telah ditetapkan oleh masyarakat Iban sejak sekian lama.

Komponen sosiobudaya, pemikiran, moral, dan leluri tertanam dalam *leka main* Iban, yang boleh digunakan sebagai panduan hidup dalam akomodasi bermasyarakat. Pernyataan ini mirip dengan ayat ujaran yang sering digunakan oleh generasi Iban yang lebih tua bagi memberi nasihat kepada anak-anak, enti bejalai betungkatka adat, enti tinduk bepanggalka pencingat. Kenyataan ini memberi makna bahawa sejarah dan kanun sosiobudaya bangsa harus digunakan sebagai panduan dan acuan bagi menempuh kehidupan agar kesopanan kekal terjaga dan memberikan gambaran budaya dan identiti bangsa.

PUISI TRADISI DALAM BUDAYA IBAN

Sastra etnik Iban termasuk genre puisi dan prosa. Masyarakat Iban sangat bijak dalam berbicara. Oleh itu, dalam masyarakat Iban golongan ini dikenali dengan *landik bejaku* (petah berkata-kata) atau berpantun (puisi) (Chemaline Osup, 2013). *sampi* (mantera), *pelandai* dan *sanggai* (puisi cinta), *entelah* (teka teki), *ensumbar* (puisi puji-pujian), *sempama* (perumpamaan), *jaku dalam* (kiasan), *jaku karung* (simpulan bahasa), dan banyak lagi adalah jenis sastra lisan yang berbeza yang dimiliki oleh etnik Iban (Jensen 1974). Berdasarkan satu tinjauan mengenai situasi tradisi lisan dalam masyarakat Iban menemui bahawa sebanyak 46 buah puisi dan prosa lisan telah dicatatkan dan didokumentasikan dalam Bahasa Iban (Maxwell, 1989). Daripada bilangan itu, 33 adalah puisi. Hal ini menunjukkan bahawa sastra lisan puisi tradisi etnik Iban lebih popular berbanding sastra prosa mereka.

Oleh sebab genrenya merupakan sastra lisan, maka *leka main* boleh berkembang dengan mudah kerana ia diwariskan melalui pertuturan dan persembahan daripada satu generasi kepada satu generasi. Ini disebabkan oleh fakta bahawa sastra lisan genre *leka main* sangat berkaitan dengan kehidupan sosial suku Iban. Oleh itu, ia melaksanakan tiga fungsi penting dalam kehidupan orang Iban. Fungsi pertama *leka main* ialah sebagai sumber hiburan; ia boleh digunakan semasa berkerja, belayar, memburu, dan sebagainya. Kemudian, *leka main* mempunyai fungsi kedua: ia berfungsi sebagai seni sosial, adat istiadat, dan majlis keramaian. Puisi *leka main* ini juga berfungsi diucapkan semasa upacara kepercayaan dan perubatan tradisional suku Iban (Chemaline Osup, 2013). Ringkasnya, *leka main* digunakan untuk berhubung dengan Petara, Bunsu-Bunsu (Dewa Dewi), roh-roh pemimpin Iban

ternama dan mendiang nenek moyang bagi meminta pertolongan, meminta pengampunan, dan sembuh dari sakit. Oleh itu, elemen-elemen berikut menunjukkan penggunaan genre *leka main* dalam masyarakat Iban:

ELEMEN EKONOMI

Masyarakat Iban di Sarawak terus bergantung pada agrotani sebagai sumber ekonomi mereka walaupun pada zaman moden. Penanaman padi adalah salah satu amalan agrotani tradisional masyarakat Iban. Dulu, aktiviti penanaman padi ini digunakan sebagai ukuran untuk menentukan status sosial individu dalam masyarakat. Keluarga atau bilik yang menghasilkan banyak hasil tuaian padi dipandang tinggi oleh etnik Iban (Sultive & Vinson, 1978).

Sebagaimana dinyatakan oleh Sather dan Benedict (1977b), etnik Iban harus mematuhi pelbagai peraturan dan pantang larang sebelum memulakan proses penanaman padi. Bermula dengan adat *nasau*, yang bermaksud membersihkan kawasan penanaman padi hingga ke adat pasca ngetau, yang bermaksud proses selepas penuaian. Hal ini ada dijelaskan dalam puisi tradisi *pantun bulan*, yang ditulis oleh Duning Anak Gunggu. Dalam lirik *pantun bulan*, beliau memberikan penjelasan mengenai proses dan aktiviti yang dilakukan dalam etnik Iban semasa proses menanam padi. Dalam setiap proses penanaman padi, *leka main* akan digunakan sebagai wadah penyembahan.

ELEMEN SOSIAL

Kaum Iban sentiasa dikaitkan dengan aktiviti rekreasi dalam acara sosial dan majlis keramaian. Etnik Iban yang berbakat dalam puisi tradisi Iban akan mempamerkan ketrampilan mereka dalam mendeklamasi puisi sebagai aktiviti slot dalam pesta sosial. Perkara ini dapat dilihat semasa majlis perkahwinan etnik Iban, juga dikenali sebagai *Gawai Melah Pinang*. Pesta ini dirayakan bagi mengesahkan bahawa si teruna dan si dara telah berkahwin. Dalam budaya etnik Iban, perkahwinan yang direstui adalah perkahwinan yang berlandaskan peraturan adat mereka. *Leka main* adalah salah satu komponen mustahak dalam adat perkahwinan etnik Dayak Iban. Maka, dalam adat melah pinang terdapat beberapa proses yang ada memuatkan unsur *leka main*. Antaranya, proses merisik menggunakan *leka main nanya indu*, proses bertunang menggunakan puisi *dungai*, dan proses bersanding menggunakan puisi *renung nikah*, *ai ansah*, *biau*, *sampi*, *ganu*, dan *pantun Iban*.

ELEMEN AGAMA TRADISI

Merujuk kenyataan Melling (1998), masyarakat Iban menganut dan mengamalkan sejenis kepercayaan lama yang dipanggil *pengarap lama*. Mereka juga kerap melangsungkan upacara keagamaan yang berkaitan dengan kepercayaan ini. Menurut Sandin (1964), *pengarap lama* menyakini kehadiran *petara* dan entiti mistik lain, seperti semangat padi, semangat alam yang bernyawa dan tidak bernyawa, dan orang hidup dan mati. *Petara* dihormati dan dipuja melalui ritual *miring* atau *bedara*, yang juga dikenali sebagai ritual korban. Selain itu, semasa upacara keagamaan, pemujaan ini juga menggunakan *leka main sampi*, *leka pengap* dan *leka timang* bagi menyalurkan permohonan mereka. Berikut merupakan adat istiadat tradisi yang memanfaatkan elemen *leka main* sebagai unsur adat tersebut ialah:

ADAT ISTIADAT KEMATIAN

Etnik Iban menggunakan elemen *leka main* dalam adat *ngintu antu*, atau adat kematian, untuk menghormati jenazah. Untuk menyempurnakan adat kematian, puisi *sabak bebuah* dilafazkan semasa upacara kematian. Mengacu pada kenyataan Sutlive (1994) menyatakan bahawa *sabak bebuah* ialah sekumpulan pantun yang panjang yang menceritakan atau mengingatkan proses hidup orang yang meninggal dunia. istilah "sabak" bermaksud "menangis". *Tukang sabak* ialah orang yang menyampaikan rangkapan sabak bebuah semasa adat istiadat pengebumian. Dalam adat istiadat pengebumian, *tukang sabak* menggunakan *leka sabak bebuah* bagi meratapi pemergian si mati.

ADAT ISTIADAT PERUBATAN TRADISIONAL

Adat istiadat ini dikaitkan dengan amalan perubatan tradisi etnik Iban. Ia dikenali oleh penduduk Iban sebagai *pelian* atau *pengawa bemanang*. Individu yang mengendalikan adat istiadat ini dikenali sebagai *manang*. Dalam merawat penyakit dan menangani mimpi dan petanda yang tidak baik, manang bertindak sebagai penyair dan pembimbing jiwa. (Sather 2001). Hasil penelitian Gomes (1911) menunjukkan bahawa masyarakat Iban lebih yakin dengan kebolehan *manang* dari pihak doktor dan paderi. Puisi tradisi yang digunakan dalam upacara ini dipanggil *leka pelian*. Merujuk kajian Noriah dan Chemaline (2013) menyatakan bahawa terdapat tiga motif ritual *pelian* dilaksanakan. Motif pertama, menghalau roh-roh jahat yang mengakibatkan penyakit. Motif kedua, bagi menangkap entiti mistik dan roh orang yang telah berpindah ke alam roh dan motif terakhir bagi menghindari roh-roh daripada tersesat.

TEORI GENUS DAN SPESIES


Genus ialah istilah yang merujuk kepada kategori taksonomi yang diletakkan di bawah spesies famili. Ia terdiri daripada golongan spesies yang sama. Hierarki genus terletak di posisi kedua dalam tatanama binomial, sesudah hierarki spesies. Dalam teori definisi, pendekatan genus memainkan fungsi penting yang amat penting kajian makna. Ia menyenaraikan aspek mustahak yang perlu disubordinat untuk menentukan sifat semula jadi istilah. Sebarang peningkatan dalam kontras menunjukkan jenis khusus yang perlu ditunjukkan oleh ranah bahagian tersebut.

Spesies pula merujuk kepada golongan yang berhubung rapat, yang terdiri daripada fitur-fitur yang simetris dan berangkaian. Ia dianggap sebagai unit pangkal kodifikasi terminologi. Genus dan spesies merupakan dua tahap yang berbeza dalam taksonomi. Pendekatan ini acap kali dimanipulasi dalam mengklasifikasi sesuatu organisma. Dalam bidang leksikografi, pendekatan ini digunakan untuk mengkategorikan sesuatu istilah. Kontras utama genus dan spesies ialah genus berada dalam kedudukan yang lebih rendah dari kedudukan familli dan lebih tinggi dari kedudukan spesies.

Selain itu, istilah "spesies" digunakan untuk merujuk kepada kelompok yang berhubung rapat yang mempunyai ciri-ciri berangkaian dan simetri. Ia dianggap sebagai komponen asas rangka kerja terminologi. Dalam taksonomi, genus dan spesies adalah dua tahap yang berbeza. Teori ini kerap digunakan bagi mengklasifikasikan organisma. Dalam bidang meta-leksikografi kaedah ini dimanipulasikan bagi mengkategorikan istilah. Perbezaan utama antara genus dan spesies ialah genus berada di atas familli dan spesies di bawahnya.

Pendekatan genus dan spesies mempunyai ciri tersendiri. Metodologi ini menganggap bahawa terdapat hubungan hierarki antara entri. Ini menunjukkan bahawa terdapat tingkat hierarki berdasarkan terminologi. Terdapat dua istilah: subordinat dan superordinat. Konsep subordinat mewakili ahli kelas yang diwakili, manakala konsep superordinat membawa makna kelas atau visual keseluruhan kelas tersebut. Dalam ilmu leksikografi, perhubungan di antara entri ini dipanggil tesaurus. Jesteru itu, relasi ini boleh dikomunikasikan melalui catatan yang disertakan di bawah.

Figura 1. Relasi Superordinat dan Subordinat



Hubungan hierarki ini merangkumi hubungan generik, hubungan klasifikasi dengan contoh spesifik dengan hubungan keseluruhan dan sebahagian. Setiap deskripsi subordinat harus mewakili konsep yang berkaitan dengan deskripsi superordinat, iaitu istilah umum dan istilah khusus boleh mewakili entiti, tindak balas dan lain-lain.

LEKA MAIN

Setelah mengaplikasikan kajian prolog pada data sumber sekunder, pengkaji mendapati bahawa data tidak mencukupi bagi menerangkan deskripsi *leka main* ini. Oleh itu, subjek kajian akan dijelaskan secara berpisah iaitu mengkaji maknanya menerusi perkataan yang digunakan dalam penelitian, kemudian hasil kajian akan digabungkan bagi menentukan hubungan antara subjek. Kajian awalan iaitu perkataan '*leka*'. Menurut peristilahan bahasa Iban '*leka*' bermakna biji bagi sesuatu benda misalnya *leka mata* (biji mata), *leka marik* (biji manik) *leka seterum* (butir peluru) *leka perir* (biji kemaluan lelaki) dan *leka buah* (biji buah) dan *leka padi* (biji padi) (Bup Sereba Reti Jaku Iban, 2011). Sebagaimana dinyatakan oleh Bruggeman (1994), perkataan *leka* bukan sahaja bermaksud "benih" tetapi juga menyokong makna "perkataan" atau "kata", yang merujuk kepada kata-kata yang dicipta untuk ujaran, puisi dan lirik lagu. Seterusnya penelitian kedua, perkataan "main", menerangkan maksud sesuatu pergerakan psikomotor yang menyenangkan hati dan berupaya menyembuhkan jasad manusiawi. (Bup Sereba Reti Jaku Iban, 2011).

Namun, merujuk kenyataan Richard (1966), setiap jenis puisi yang dimainkan atas alasan hedonisme dan spiritualisme boleh ditakrifkan sebagai '*main*'. Ringkasnya, *leka main* bermakna "bermain dengan kata-kata". Walaupun demikian, '*main*' tidak juga bermaksud bermain-main tetapi ucapan yang bercirikan sakral (Abang Sallehuddin, 2017). Oleh itu, istilah "main" sering digunakan untuk mengiringi amalan ritual miring semasa *Hari Gawai*¹. Ia digunakan sebagai alat penghormatan kepada *petara* dan bertujuan untuk mendapatkan kesembuhan dan keberkatan (Chemaline, 2007). Jadi, perkataan *leka main* boleh disimpulkan sebagai puisi leluhur etnik Iban yang menyokong fungsi budaya dan amalan sosial masyarakat.

PENYATAAN MASALAH

Menerusi analisis terperinci berdasarkan kajian-kajian lalu maka kajian-kajian lalu tersebut dapat dikategorikan daripada beberapa permasalahan antaranya i) Penelitian budaya yang terdahulu hanya menekankan kepada identiti bangsa serta ilmu namun tidak memperihalkan konteks ranah pemikiran sesuatu etnik. Ranah pemikiran yang dimaksudkan ialah makna leksikon yang terdapat dalam konteks penggunaan bahasa tersebut. Seterusnya, ii) Penelitian literatur leksikologi hanya menghuraikan makna leksikal secara luaran dan tidak berfokus kepada identiti sesuatu etnik. Dalam penelitian literatur semantik, penjelasan makna sesuatu leksis hanya terarah kepada pengertian leksikal. Sebenarnya, pengertian leksikal tidak mempunyai hubungan dengan kolokasi sesuatu leksis dalam konteks pengaplikasian. Dalam konteks yang lain, masalah juga dilihat berkaitan iii) Aspek keindahan bahasa. Penelitian literatur yang meneliti estetika bahasa hanya mengarah kepada jenis-jenis leksis yang berbentuk idiom dan metafora namun kurang penekanan secara spesifik kepada identiti etnik. Selain itu, permasalahan juga digarapai dari sudut iv) Aspek identiti etnik. Banyak penyelidikan mengenai bahasa sukuan, dialek, dan idiolek (slangga) adalah sebahagian daripada penyelidikan identiti etnik. Walau bagaimanapun, tidak ada mekanisme yang menjelaskan identiti etnik berdasarkan sistem genusnya (genetik). Kesemua kajian-kajian ini mengandungi lompong-lompong yang perlu ditambah baik khususnya tidak banyak penyelidikan dalam bahasa Iban yang melihat makna dari perspektif penggunaan leksis secara empirikal.

¹ Pesta Gawai merupakan pesta utama bagi masyarakat Iban sebagai ritual keagamaan dan kepercayaan tradisi. Terdapat empat belas (14) jenis Hari Gawai misalnya Gawai Dayak (Pesta Keberhasilan Menuai), Gawai Burung (9 peringkat), Gawai Kenyalang (Pesta kesyukuran), Gawai Umai, Gawai Batu, Gawai Ngalihka Tanah, Gawai Benih, Gawai Ngemali, Gawai Pangkong Tiang (Meraikan rumah baru), Gawai Lelabi (Pesta Perkahwinan), Gawai Sakit, Gawai Antu, Gawai Bertambah Bulu dan Gawai Nangga Lang

OBJEKTIF KAJIAN

Makna yang tersirat dalam puisi anak watan etnik Iban adalah subjek utama bagi penyelidikan ini. Oleh itu, objektif kajian ini dibangunkan seiring dengan subjek tersebut:

- a. Mengenal pasti lexis abstraksi dalam puisi tradisi Iban belandaskan tema kasih sayang dan kekeluargaan.
- b. Menganalisis lexis bahasa Iban dalam puisi tradisi Iban dari kompenan makna tipikal dan sistem genus dan spesies.
- c. Merungkai pemikiran terpendam dalam lirik puisi tradisi Iban etnik Iban dengan mengaplikasikan teori genus dan spesies.

SOROTAN LITERATUR

Kajian literatur ini membincangkan dan menghuraikan penyelidikan terdahulu yang mempunyai hubungan dan persamaan dengan teori genus dan spesies, iaitu semantik leksikal aspek hipernim dan hiponim atau aspek superordinat dan subordinat. Hasil tinjauan terhadap kajian lepas, pengkaji telah menemui beberapa kajian mengenai aspek semantik leksikal ini, iaitu hasil kajian oleh Abdul Basid, Alvina dan Selviana (2018), Effendy Yusuff, Anida Sarudin dan Norliza Jamaluddin (2018), Kuswoyo (2019), Siti Farida Salleh Et. Al (2020), Shahrolnizam dan Rohaidah Haron (2020), D. H. Kim et al (2021) Eva Eri Dia, Della Edowati Nama Diaz (2021).

Penyelidikan Abdul Basid, Alvina dan Selviana (2018) yang berjudul “Elaborasi hiponimi lagu-lagu anak ciptaan Pak Kasur” turut menyentuh semantik leksikal. Tujuan kajian ini adalah mengkaji lirik beberapa lagu yang dicipta oleh Pak Kasur dari dimensi semantik hiponimi. Pengkaji menggunakan instrumen senarai semak sebagai kaedah kualitatif dalam kajian ini. Tiga sampel lagu pak Kasur “Lihat kebunku”, “Naik delman” dan “Kringkring ada sepeda” digunakan dalam penelitian ini. Dapatan hasil penelitian menunjukkan bahawa terdapat 29 kata hiponim dan kota kata yang berulang.

Kajian Effendy Yusuff, Anida Sarudin dan Norliza Jamaluddin (2018) yang berjudul “Analisis Makna Lexis Singkowoton Menggunakan Pendekatan Semantik Ranah” Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji penggunaan lexis sukuan Sabah dalam korpus bahasa Melayu. Untuk membangunkan data korpus ini, pengkaji menggunakan Antconc 3.4.3w. Walaupun kajian ini tertumpu pada analisis lexis singkowoton, namun aspek superordinat turut diberi penekanan oleh pengkaji. Hasil kajian ini menemui lexis singkowoton mempunyai kaitan dengan makna umum, sementara makna spesifik atau unsur ranah lexis singkowoton ialah hal mengenai benda dan kepercayaan masyarakat. Penyelidikan ini menyimpulkan bahawa lexis bahasa sukuan dalam bahasa Melayu berupaya dispesifik melalui kajian aspek leksikal, sosial budaya dan kognitif penutur aslinya.

Penelitian kuswoyo (2019) yang berjudul “Relasi hiponim (isyimal) subordinat dan superordinat dalam semantik leksikografi” telah membincangkan mengenai hubungan makna di antara makna umum dengan makna khusus yang saling berkaitan antara satu sama lain. Oleh sebab elemen subordinat dan superordinat ini berada dalam aliran yang sama, hubungan makna ini adalah logik. Menurut kajian ini, apabila makna yang lebih khusus ditemui, elemen hiponim akan naik ke hierarki yang lebih tinggi, atau hipernim. Perhubungan antara leksem-leksem yang memayungi hiponim dipanggil hiponimi, manakala hubungan antara leksem-leksem yang sama dipanggil kohiponim. “Mawar”, “dahlia”, “melati” dan perkataan lain yang serupa ialah sinonim untuk “bunga”, manakala perkataan “mawar”, “dahlia” dan “melati” adalah sinonim untuk “bunga.”

Seterusnya, penyelidikan Siti Farida Salleh Et. Al (2020) dalam kajian yang bertajuk “Analisis semantik leksikal dalam novel Sangkar karya Samsiah Moh. Nor” turut membincangkan mengenai aspek genus dan spesies. Kaedah semantik leksikal digunakan dalam kajian kuantitatif ini. Ia memberi tumpuan kepada elemen leksikal seperti sinonim, antonim, hiponim, polisem, homonim, homofon, homograf, metonim dan meronim yang terdapat dalam teks. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaplikasian aspek hiponim bagi haiwan yang paling tinggi, iaitu haiwan serigala, cengkerik, kura-kura, burung, arnab, nyamuk, gajah, ayam, itik, buaya, ikan, unggas, udang, harimau dan kambing. Hiponim kata warna mencatatkan kekerapan kedua tertinggi, menyumbang 43.24%

daripada keseluruhan. Golongan hiponim yang mencatatkan kekerapan ketiga tinggi ialah golongan bagi kata kenderaan: kereta, van, motorsikal, dan bas yang berjumlah 28 (10.06%) daripada jumlah total. Kata bunga mempunyai kekerapan hiponim yang paling rendah dengan kekerapan sebanyak 8 atau (4.56%).


Kajian lepas ini bersandarkan kepada kajian Shahrolnizam dan Rohaidah Haron (2020) yang berjudul “Aspek Superordinat Dalam Ruang Pojok Awang Selamat” Satu analisis dari cabang kohesi leksikal iaitu aspek superordinat. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan dan menganalisis elemen luar biasa dalam teks ruang pojok. Untuk mengungkap kohesi leksikal dalam ruang pojok, kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif. Kajian mendapati bahawa penulis ruang pojok boleh memanipulasi aspek superordinat dalam teks, menjadikan artikel Awang Selamat mudah difahami dan menarik untuk dibaca. Aspek kohesi leksikal yang melibatkan superordinat juga memainkan peranan penting dalam pembentukan rangkaian makna yang bersepadu dan berstruktur dalam data. Akhir sekali, menggunakan konsep superordinat yang dinyatakan oleh Halliday dan Hassan (1976) dalam ruang pojok boleh membantu mewujudkan hubungan idea dan mesej yang tersusun yang mudah difahami oleh pembaca.

D. H. Kim et al (2021) dalam kajian yang bertajuk “*Automatic Extraction of Hypernym-Hyponim from Text Using-based Approach*”. Dalam hierarki bahasa, ekstraksi perhubungan di antara elemen leksikal hipernim dan hiponim adalah subjek kajian ini. Tujuan kajian ini adalah bagi mengembangkan kaedah hierarki bahasa untuk mengesktraksi pertautan antara hipernim dan hiponim dalam sesuatu teks. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan pola hierarki bahasa boleh mengekstrak hubungan hipernim dan hiponim dengan sangat baik. Tambahan pula, jika dibandingkan dengan kaedah yang telah digunakan dalam kajian sebelumnya, kaedah ini mungkin menghasilkan hasil yang lebih baik. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pola leksikon dan sintaksis boleh digunakan untuk mencari hubungan antara hipernim dan hiponim.


Eva Eri Dia, Della Edowati Nama Diaz (2021) dalam kajian yang bertajuk “Analisis Relasi Makna yang terdapat dalam Novel Hujan karya Tere Liye”. Penelitian ini menekankan kepada aspek-aspek leksikal yang tersemat dalam novel yang dipilih. Objektif penelitian ini adalah bagi mengenal pasti bentuk-bentuk relasi makna dan peranan relasi makna yang eksplisit dan implisit dalam novel Hujan karya Tere liye. Untuk menjelaskan pelbagai hubungan makna dan fungsinya dalam novel Hujan, kajian ini menggunakan pendekatan jenis kualitatif deskriptif. Kajian ini menggunakan petikan dialog dari novel Hujan sebagai sumber data. Alat kajian ialah jadual klasifikasi, dan teknik pengumpulan data ialah pencatatan data. Kajian ini menggunakan klasifikasi, deskripsi, analisis dan simpulan data untuk teknik menganalisis data. Hasil kajian menunjukkan bahawa aspek leksikal yang paling banyak ditemui dalam novel Hujan Tere Liye ialah jenis relasi makna pengulangan, epizeuksis, sinonim, antonim, hiponim dan ekuivalen serta fungsinya.

METODOLOGI


Kajian ini memanfaatkan jenis deskriptif kualitatif sebagai tatacara untuk mengkaji kohesi leksikal dalam teks *leka main* masyarakat Iban. Kajian teks adalah kaedah yang sangat penting dalam kajian kualitatif, dan ia menjadi asas dalam aspek pengumpulan data. Didapati bahawa teknik ini sesuai untuk digunakan dalam penyelidikan ini, terutamanya untuk menganalisis data mengenai leksis bahasa Iban dalam teks *leka main* Iban. Penelitian terhadap leksis ini mementingkan kajian terhadap teks puisi tradisi Iban yang ditetapkan agar objektif kajian dapat dicapai. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis leksis dalam teks *leka main* dari sudut makna tipikal berdasarkan sistem genus dan spesies bagi merungkai pemikiran masyarakat Iban tradisional. Oleh itu, pengkaji telah memilih teks *leka main* kerana genre itu merupakan warisan leluri yang menjadi dasar budaya dan adat istiadat masyarakat Iban. Berikut merupakan kerangka konseptual kajian, prosedur pengumpulan data dan penganalisan data kajian ini.



Rajah 2. Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 3 Prosedur Pengumpulan Data



Rajah 4 Prosedur Penjanaan dan Penganalisan Data

PERBINCANGAN DAN DAPATAN


Menurut Aminuddin leksem-leksem yang berada di peringkat bawah atau makna khusus disebut sebagai subordinat (spesies), manakala, leksem yang berada di kedudukan atas atau makna generik dikenali sebagai superordinat (genus). Dalam istilah semantik leksikal genus adalah hipernim dan spesies ialah hiponim. Hubungan antara leksem-leksem yang merupakan hiponim dengan leksem yang di atasnya (genus) dikenali sebagai hiponimi manakala, hubungan leksem dengan leksem yang lain dalam kedudukan spesies disebut kohiponim. Berikut merupakan dapatan hasil analisis terhadap data korpus bahasa Iban.

Jadual 1: Kekerapan penggunaan leksikal genus dan spesies dalam leka main

Bil	Perkataan Genus & Spesies	Kekerapan	Peratus (100 %)
1	Diri Sebilik: (genus)		
	Apai	2	2.27
	Indai	10	11.3
	Anak	8	9.09
	Aya	2	2.27
	Jumlah	22	25
2	Kosmoslogi:		
	Kumang	9	10.2
	Kubur	3	3.4
	Sebayan	3	3.4
	Antu	2	2.27
	Mandai	2	2.27
	Pendam	1	1.13
	Jumlah	19	21.5
3	Penempa:		
	Bujang	7	7.95
	Dara	4	4.54
	Jumlah	10	11.3
4	Pemati:		
	Danjan	4	4.54
	Midang	4	4.54
	Jengkarang	1	1.13
	Jumlah	9	10.2
5	Gelang:		
	Gelang antu	1	1.13
	Gelang temaga	1	1.13
	Jumlah	2	2.27
6	Ikan:		
	Ikan enseluai	1	1.13
	Ikan bam	1	1.13
	Ikan bekut	1	1.13
	Jumlah	3	3.4
7	Tubuh:		
	Kaki	2	2.27
	Kerigai	2	2.27
	Perut	2	2.27
	Dada	2	2.27
	Lengan	1	1.13
	Mata	1	1.13
	Mulut tusu	1	1.13
	Jumlah	11	12.5
8	Sarawak:		
	Kanowit	1	1.13
	Ulu Katibas	1	1.13
	Batang Rajang	1	1.13
	Teluk Kumpai	1	1.13
	Jumlah	4	4.54
9	Jelu:		
	Pama	1	1.13
	Raung	1	1.13
	Mengkarong	1	1.13
	Jumlah	3	3.4
10	Nama:		
	Banda Mendu	1	1.13
	Endu Raju	1	1.13
	Jamu	1	1.13

Dayang Samban	2	2.27
Jumlah	5	5.68
Jumlah Keseluruhan	88	100

Penggunaan semantik leksikal genus dan spesies dalam teks *leka main pelandai ara* dapat diteliti memiliki kekerapan penggunaan perkataan genus (superordinat) dan spesies (subordinat) tertinggi dan terendah. Penggunaan perkataan superordinat dan subordinat bagi *Diri Sebilik* merekodkan kekerapan tertinggi iaitu perkataan *Apai* 2 kekerapan dengan peratus 2.27%, *Indai* 10 kekerapan dengan 11.3%, *Anak* 8 kekerapan bersamaan 9.09% dan *Aya* dengan 2 kekerapan dengan peratus 2.27%. Semua perkataan ini menggambarkan penggunaan genus dan spesies yang tertinggi berjumlah 22 kekerapan dengan peratus 25%. Bagi penggunaan perkataan genus dan spesies terendah pula dapat diteliti pada perkataan genus *gelang* iaitu perkataan *Gelang antu* dan *Gelang temaga* masing-masing mencatatkan 1 kekerapan dengan peratus 2.26%.



Rajah 5 Relasi antara lexis dalam konsep genus dan spesies

Sebagaimana hasil analisis kajian yang terpampang di atas jelas menunjukkan berkaitan hierarki bahasa yang mengandungi tingkat atas dan tingkat bawah. Terdapat sebuah makna yang berada di tingkat bawah makna kata yang lain. Sehubungan dengan itu, ada kemungkinan sebuah kata yang merupakan genus atau superordinat terhadap sejumlah kata yang berada dalam jaringannya, akan menjadi spesies atau subordinat bagi kata yang lain secara hierarki terletak di atasnya. misal kata *Diri sebilik* merupakan genus atau superordinat terhadap perkataan *Apai*, *Indai*, *Anak* dan *Aya*.

Selain dari itu, dalam lirik *leka main pelandai ara* ditemui juga beberapa perkataan generik dan khusus yang lain atau dalam kajian ini dikenali sebagai genus dan spesies di antaranya golongan genus *kosmoslogi* iaitu perkataan yang ada hubungan dengan budaya spiritual masyarakat Iban. Namun genus *kosmoslogi* masyarakat Iban memiliki unsur yang banyak. Antara unsur spesiesnya yang dapat dikesan dalam teks *leka main pelandai ara* ialah *Kumang*, *kubur*, *Sebayan*, *antu*, *mandai* dan *pendam*. Seterusnya, golongan spesies bagi genus perkataan nama ialah *Banda Mendu*, *Endu Raju*, *Jamu* dan *Dayang Samban*. Golongan spesies atau subordinat bagi genus *Jelu* antaranya ialah *pama*, *raung* dan *mengkarong*. Haiwan ini merupakan haiwan jenis amfibia dan reptalia yang kecil.

Golongan spesies bagi genus *Sarawak* pula ialah *Kanowit*, *Ulu Katibas*, *Batang Rajang* dan *Teluk Kumpai*. Tempat-tempat ini merupakan daerah yang semenangnya wujud di negeri Sarawak. Bagi genus perkataan *Tubuh*, spesiesnya yang dapat ditemui dalam teks *leka main Pelandai Ara* ialah *kaki*, *kerigai*, *perut*, *dada*, *lengan*, *mata* dan *mulut tusu*. Genus perkataan *Ikan*, spesiesnya ialah *Ikan enseluai*, *Ikan Bam* dan *Ikan Bekut*. Spesies bagi perkataan superordinat *Pemati* antaranya ialah *danjan*, *midang* dan *jengkarang*. Subordinat bagi superordinat perkataan *Gelang* ialah *gelang antu*

dan *gelang temaga*. Spesies ini tergolong dalam kata benda yang merupakan alat perhiasan bagi etnik Iban tradisional.

Akhir sekali, perkataan genus *Penempa*, spesiesnya ada dua, iaitu perkataan *Bujang* dan *Dara*. Walaupun perkataan ini maknanya lebih mirip kepada status perkahwinan individu, namun dalam bahasa Iban makna dan fungsi boleh pelbagai antara berfungsi sebagai nama panggilan mesra bagi generasi muda Iban yang belum mendirikan rumah tangga. Selain itu, perkataan *bujang* sekiranya disepadukan dengan kata *berani* menjadi *bujang berani* yang bermaksud pahlawan Iban. Contoh lain seperti *bujang lembau* digunakan untuk mengelar seorang lelaki yang sentiasa ragu-ragu semasa membuat keputusan, *bujang mabuk* diaplikasikan kepada lelaki yang suka meminum minuman yang beralkohol, *bujang rungu ensing*, lelaki yang berpewatakan pendiam namun memiliki kehebatan tersembunyi.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa teori genus dan spesies dapat menganalisis pemikiran masyarakat Iban dalam *leka main*. Teori genus dan spesies dapat memberi pandangan yang lebih spesifik tentang kebudayaan dan kepercayaan adat istiadat etnik Iban Masyarakat Iban didapati mempunyai pemahaman yang unik mengenai alam sekitar dan memiliki kepercayaan yang kuat tentang budaya mereka. Selain itu, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa etnik Iban amat mempercayai sistem nilai tradisional dalam menguruskan kehidupan mereka. Budaya saling menghormati tanpa mengira usia dan darjat amat mustahak dalam mengekalkan keharmonian keluarga dan masyarakat Iban. Akhir sekali, dapat disimpulkan bahawa teori genus dan spesies bukan sahaja dapat membantu memahami pemikiran sesuatu masyarakat malah berupaya membantu memelihara seterusnya mempromosi keanekaragaman budaya dalam masyarakat Madani.

RUJUKAN

- Anida Sarudin. (2010). Aspek kognitif dalam pembentukan simpulan bahasa kata makan. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, Jilid 10, 57-74.
- Bruggeman, G. (1994). *Sources of Iban traditional history* (with an introduction by Clifford Sather). *The Sarawak Museum Journal* XL (67).
- Chemaline Anak Osup (2007). *Leka Main: Puisi rakyat Iban- Satu analisis tentang bentuk dan fungsi*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Chemaline Osup and Noriah Taslim (2013). *Ensera Ayor: Epik rakyat Iban*. Publisher, Penerbit Universiti Sains Malaysia,
- Gomes, E.H. (1911). *Seventeen Years among the Sea Dyak of Borneo*. London: Seely.
- Halliday, M. A. K., & Hassan, R. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman
- Janang et al. (2011). *Bup Sereba Reti Jaku Iban*. Kuching: Tun Jugah Foundation.
- Jensen and Erik 1974 *The Iban an their Religion*. Oxford: Clarendon Press
- Maxwell, A.R. (1989). *A survey of the oral traditions of Sarawak*. *The Sarawak Museum Journal* XI(61,new series): 167-172.
- Melling, J. (1998). Aspek sosial kebudayaan dan keagamaan masyarakat Iban di Sarawak. Dalam *Adat Resam Penduduk Sarawak*. Kuching: Kerajaan Negeri Sarawak.
- Richard, A.J.N. (1966). *Leka Main Iban*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Sandin, B (1964). *Pengap Gawai Tajau*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Sather and Benedict (1977b). Nanchang padi: symbolism of Saribas Iban first rites of harvest. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. 50(2): 150-170.
- Sather, C. (2001) *Seed of Play Words of Power*. Kuching: Tun Jugah Foundation.
- Shamsuddin Jaafar (1997). *Sastera dalam masyarakat majmuk Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sultive and Vinson (1978). *The Iban of Sarawak*. Arlington Heights: AHM Publishing Corporation.
- Sutlive and Vinson (1994) *Handy reference Iban-English Dictionary*. Kuching: Tun Jugah Foundation .